

UUM ONLINE: Pelajar Universiti Utara Malaysia (UM) dimi
menjalinkan rangkaian hubungan antara mereka termasuk dengan bekas pelajar daripada kampus ini.
Naib Canselor Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishah berharap rangkaian ini akan memberi keuntungan kepada kedua belah pihak sama ada dalam kalangan pelajar yang sedang belajar atau pun mereka telah berijazah daripada universiti ini.
Katanya, melalui hubungan antara mereka ini dapat memperkembangkan idea dan membantu kalangan pelajar yang sedang menuntut di sini.
"Jalinan ukhwah ini dilihat dapat menyatukan mereka dan pelbagai aktiviti juga dapat dirancang termasuk membimbing mereka untuk menjalani latihan praktikal di akhir semester," kata beliau ketika ditemui di majlis itu.
Dalam pada itu, Pengarah Projek, Yusuf Iwan, ketika ditanya berkata saranan Naib Canselor itu dilihat dapat membuka peluang yang amat besar bagi pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di sini.
"Kami perlu bimbingan daripada bekas pelajar universiti ini kerana ada yang telah berjaya menjadi usahawan mahupun yang telah berjaya dalam kerjaya masing-masing," katanya.
Manakala, bagi bekas pelajar yang ditemui Arif Riku, 28, berkata jalinan hubungan ini dilihat bukan sahaja dapat memberi peluang kepada mereka untuk menjalinkan hubungan dengan warga universiti malah lebih daripada itu.
"Kami amat terutang budi kepada universiti kerana memberi ilmu kepada kami sehingga bergelar graduan dan kini tiba masanya pula untuk kami mengucapkan terima kasih itu melalui jalinan hubungan dan membantu melaksanakan program yang dirancang dengan menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan sumbangan daripada pihak kami," katanya lagi.
Majlis ramah mesra dengan Naib Canselor ini dihadiri lebih 50 pelajar dari Sabah dan beberapa negeri lain.
Habis.

===== : ===== : ==
DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3013
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my